

21 JUL 1999

Mahathir-Calon

ANGGOTA BN MESTI TERIMA SEMUA CALON TANPA KIRA PARTI

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) perlu meningkatkan kerjasama dan memberi sokongan kepada calon yang telah diputuskan oleh parti bagi menghadapi pilihan raya akan datang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Rapatkan barisan apabila keputusan telah dibuat. Kecewa, marah adalah perkara kedua, kita kena utamakan parti dan bukan perasaan peribadi," katanya semasa berucap melancarkan Khemah Bina Negara Wanita BN di sini.

Semasa pelancaran itu Dr Mahathir memukul gong sebanyak 14 kali bagi melambangkan 14 parti komponen dalam BN.

Beliau menyeru anggota BN agar menyokong sesiapa sahaja yang telah diputuskan menjadi calon BN, tidak kira sama ada mereka daripada parti UMNO, MIC, MCA, Gerakan dan lain-lain kerana tugas utama anggota adalah menentukan kemenangan parti.

"Jangan fikir tentang siapa yang menjadi calon. Anggapnya sebagai calon BN," kata beliau.

Dr Mahathir tidak menafikan timbul kesukaran dalam memutuskan calon yang akan bertanding tetapi katanya setelah keputusan dibuat, ia tidak harus dipertikaikan lagi.

"Kita mempunyai konsep kerjasama yang telah terbukti sejak 1952 dalam pilihan raya perbandaran Kuala Lumpur apabila Perikatan menang selepas sokongan dan kerjasama di antara UMNO dan MCA," katanya.

Beliau berkata BN juga telah berjaya mewujudkan keharmonian antara kaum, bahasa dan agama serta tidak membezakan lelaki dan perempuan.

"PAS sentiasa memecah belahkan rakyat tetapi kita sentiasa menyatukan rakyat.

"BN bukan 'fly by night operator' hanya wujudkan pakatan untuk pilihan raya...ini bukan kahwin mutaah, perkahwinan kita adalah untuk selama-lamanya," katanya.

Pada persidangan berita selepas itu Dr Mahathir bagaimanapun berkata BN belum lagi memulakan sebarang mesyuarat untuk menentukan calon dan agihan kerusi, tidak seperti pihak pembangkang yang telah mula bertelingkah mengenai agihan kerusi.

Ketika ditanya mengenai prestasi menurun pelajar Bumiputera, beliau berkata mereka harus menumpu pada pelajaran dan tidak menunjuk perasaan.

"Mereka berminat untuk mengajar kerajaan bagaimana mentadbir negara daripada belajar untuk lulus peperiksaan," katanya.

Di Alor Setar semalam, Dr Mahathir berkata pelajar Bumiputera kini ketinggalan berbanding kaum lain dan ini akan membantut usaha membangunkan negara.

-- BERNAMA

SHO NM MAI